

## SYARAT UTAMA

Syarat utama pendaftaran sebagai pembekal dan kontraktor perkhidmatan dan /atau kontraktor kerja Sabah Electricity Sdn. Bhd. hendaklah berdaftar dengan agensi-agensi seperti berikut:-

### A. Kerja

- a) Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Sabah (PUKONSA) dan/atau
- b) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

### B. Bekalan dan Perkhidmatan

- a) Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Sabah(PUKONSA), atau
- b) Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), atau
- c) Perbendaharaan Malaysia Sabah/Sarawak (PMS)

## DOKUMEN - DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

- A. Surat Permohonan Rasmi Syarikat untuk pendaftaran, pembaharuan atau Penambahan Bidang sebagai Pembekal / Kontraktor SESB.
- B. Salinan Lesen Berniaga / Trading Licence (Jika berkaitan dan terkini)
- C. Salinan Sijil Pendaftaran dengan KKM/PMS/PUKONSA/CIDB (Jika berkaitan dan terkini)
- D. Salinan Sijil Akuan Status Bumiputra dari KKM/PMS/ BPKU/KPS-KTM(Jika berkaitan dan terkini)
- E. Salinan *Form Q* - Suruhanjaya Tenaga (Jika Berkaitan & Terkini)
- F. Salinan *Form B* - Kementerian Dalam Negeri (Jika Berkaitan & Terkini)
- G. Salinan *Form 9 / Form 13* - Perakuan Perbadanan Syarikat Sendirian, daripada ROC/ROB/SSM (Terkini)
- H. Salinan *Form 24* - Pemegang Ekuiti (Terkini)
- I. Salinan *Form 49* - Lembaga Pengarah/Pengurus/Setiausaha Syarikat (Terkini)
- J. Salinan *Form 32A* - Pertukaran Pemegang Saham Syarikat (Jika Berkaitan & Terkini)
- K. Salinan *Form 44* - Notis Alamat Tempat Berdaftar & Masa Pejabat (Terkini)
- L. Salinan *Annual Return of A Company Having A Share Capital* (Terkini)
- M. Salinan Sijil ISO, Sijil Gunapakai TNB, Sijil Kekompetenan, Sijil NIOSH & lain-lain yang berkaitan.

Nota : Pembekal/Kontraktor yang telah berdaftar dengan SESB hanya perlu menyertakan semula Salinan yang disahkan benar bagi perkara H hingga M, jika terdapat perubahan semasa memohon Pembaharuan Pendaftaran atau Penambahan Bidang.

## PENGESAHAN DOKUMEN

Semua salinan dokumen hendaklah **DISAHKAN BENAR** oleh Setiausaha Syarikat yang berlesen atau Ahli Badan Profesional atau Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Kanan Perkhidmatan Awam. Kegagalan untuk memajukan dokumen yang disahkan akan menyebabkan permohonan ditolak.

## YURAN PENDAFTARAN

Yuran Pendaftaran adalah sebanyak RM50.00 bagi setiap permohonan baru atau pembaharuan atau tambah bidang atau pertukaran/pengemaskinian maklumat. Yuran pendaftaran hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya dalam tempoh dua (2) bulan selepas kelulusan permohonan diperolehi.

ALAMAT E-MEL
Syarikat yang memohon pendaftaran pembekal/kontraktor hendaklah memastikan <b>e-mel rasmi korporat</b> adalah sah dan aktif. Ini adalah penting kerana alamat e-mel rasmi korporat akan digunakan dalam semua urusan notifikasi dan perhubungan.
MAKLUMAN
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pendaftaran dengan SESB melayakkan syarikat tuan/puan menyertai sebutharga/tender yang diiklankan oleh SESB sama ada melalui laman web SESB atau papan kenyataan atau akhbar.</li><li>2. Sijil pendaftaran asal hendaklah dikemukakan semasa pembelian sebutharga/tender dan salinan sijil pendaftaran disertakan semasa penyerahan dokumen sebutharga/tender.</li><li>3. Sebarang perubahan kepada syarat-syarat pendaftaran ini adalah hak mutlak SESB.</li></ol>
PERINGATAN
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Untuk mengelakkan kelewatan proses permohonan, sila pastikan semua dokumen yang diperlukan adalah lengkap serta mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.</li><li>2. Sila buat semakan semula dengan berpandukan Senarai Semak di <b>LAMPIRAN II</b> dan majukan Senarai Semak ini bersama dengan permohonan anda.</li><li>3. Sila pastikan <b>LAMPIRAN III</b> dilengkapkan dan ditandatangani oleh pemilik/pentadbir syarikat.</li><li>4. Syarikat yang memohon pendaftaran pembekal/kontraktor perlu menjamin dan memastikan bahawa semua data, maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan semasa permohonan dibuat adalah benar. Memalsukan atau memberikan maklumat atau dokumen meragukan akan menyebabkan permohonan ditolak atau dalam kes di mana kelulusan telah diberikan, akan mengakibatkan pembatalan serta-merta. SESB berhak mengambil tindakan sewajarnya kepada syarikat yang terlibat.</li><li>5. Dengan pelaksanaan <i>Anti Bribery Management System (ABMS)</i>, seksyen 17(A) - Akta Liabiliti Korporat, semua permohonan baru/pembaharuan akan tertakluk kepada tapisan keutuhan daripada pihak <b>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)</b> sebelum permohonan diluluskan berkuatkuasa 1 Januari 2021.</li></ol> <p><b>SABAH ELECTRICITY SDN. BHD. TIDAK MEMPUNYAI OBLIGASI UNTUK MENAWARKAN KONTRAK KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN SABAH ELECTRICITY SDN. BHD.</b></p>
PENYERAHAN PEMOHONAN
Sila rujuk dalam laman web SESB - <a href="http://www.sesb.com.my">www.sesb.com.my</a> Suppliers/Vendor-Registration
PERTANYAAN
<p><b>No. Telefon</b> 088-282835/282859/282392</p> <p><b>No. Faksimili</b> 088-246536</p>